



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN FAEDAH**  
**KOD KURSUS : DSM3203**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)
2. Bahagian A dan Bahagian B mengandungi **LIMA (5)** soalan. Calon dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam buku jawapan.
3. Calon tidak di benarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

○

○

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Berikan **empat (4)** kepentingan pengurusan pampasan dan faedah.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** jenis pampasan kewangan langsung.

(6 markah)

**SOALAN 2**

a. Nyatakan **dua (2)** kelebihan dan **dua (2)** kekurangan pelan insentif individu.

(4 markah)

b. Bagaimanakah cara untuk menentukan ekuiti dalaman? Jelaskan.

(6 markah)

**SOALAN 3**

a. Terangkan **dua (2)** jenis rancangan insentif jangka pendek secara individu.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** faktor pekerja yang boleh mempengaruhi pengurusan pampasan dan faedah.

(6 markah)

## SOALAN 4

- a. Berikan **empat (4)** faedah utama yang disediakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

(4 markah)

- b. Terangkan **tiga (3)** jenis faedah yang dikategorikan sebagai faedah berkanun.

(6 markah)

## SOALAN 5

- a. Berikan **empat (4)** objektif pengurusan gaji.

(4 markah)

- b. Berapakah kekerapan bayaran gaji kepada pekerja mengikut Akta Pekerjaan 1955? Jelaskan.

(6 markah)

[50 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan sahaja.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Definisi pampasan dan faedah adalah berbeza antara satu sama lain bergantung kepada perspektif pandangan dan kelakuan seseorang itu. Bincangkan **empat (4)** perbezaan perspektif yang berkaitan dengan definisi pampasan dan faedah.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Anda adalah seorang Pegawai Sumber Manusia di AXA Insurance Sdn Bhd. Anda telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kursus induksi kepada pekerja-pekerja baru di syarikat AXA Insurance. Anda diminta untuk menyampaikan ceramah berkaitan upah dan gaji berdasarkan Akta Kerja 1955 kepada pekerja-pekerja baru semasa kursus induksi dilaksanakan.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Syarikat Abdillah Enterprise telah selesai proses penilaian prestasi, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Syarikat Abdillah Enterprise, Tan Sri Jamal Abdillah mendapati bahawa prestasi para pekerjanya tidak memuaskan dan tidak mencapai standard yang telah ditetapkan. Beliau berpendapat bahawa pelan insentif perlu diwujudkan sebagai perangsang untuk meningkatkan prestasi para pekerjanya. Pada pendapat anda, apakah yang perlu dipertimbangkan oleh Tan Sri Jamal Abdillah untuk mewujudkan pelan insentif yang berkesan?

(10 markah)

**SOALAN 4**

Di Malaysia kebanyakan organisasi menggunakan Sistem *Time-related* berbanding Sistem *Piece-rated* dalam pengurusan pembayaran gaji pekerja. Kenapakah majikan lebih cenderung untuk menggunakan Sistem *Time-related* berbanding Sistem *Piece-rated* dalam pengurusan pembayaran gaji pekerja?


(10 markah)

**SOALAN 5**

*Productivity - Linked Wage Systems* (PLWS) merupakan salah satu usaha kerajaan untuk memastikan sistem gaji pekerja lebih fleksibel dan berdaya saing untuk memastikan kestabilan pekerjaan dan mengurangkan pemberhentian sekiranya berlaku kelembapan ekonomi. Sebagai Pengurus Sumber Manusia, terangkan kepada pekerja anda tentang fungsi *Productivity - Linked Wage Systems* (PLWS)?

(10 markah)

**[50 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**



0

0